MSAE
MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS
Est. 1982
SPECTRUM
MSAE
ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN

SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA TERBITAN : 01/2024

## KURSUS ANJURAN MSAE "STATISTICAL ANALYSIS AND DATA SCIENCE TECHNIQUES"

Pada 22 Januari 2024, MSAE telah menganjurkan Kursus Analisis Statistik dan Teknik Sains Data dengan menjemput Prof. Madya Ts. Dr. Aimrun Wayayok sebagai penceramah. Kursus tersebut telah diadakan secara dalam talian dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta melebihi 30 orang.






*Gambar 1: Poster dan sesi bergambar bersama peserta*

## "10th SOUTHEAST ASIAN AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERING STUDENT CHAPTER ANNUAL REGIONAL CONVENTION 2024 (ARC2024)"

MSAE dengan kerjasama pihak UniMAP akan mengadakan program ARC2024 bertempat di UniMAP pada 10 hingga 16 Mei 2024. Jemputan kepada universiti dan institusi tempatan dan antarabangsa sekitar Asia Tenggara telah mula diedarkan. Bertemakan "Digital Agriculture: Driving Innovations for Sustainable Agrofood Production", penyertaan kali ini dijangka mendapat sambutan yang lebih meriah dengan kesinambungan daripada program ARC2023.




*Gambar 2: Poster Program ARC2024 di UnMAP*

## AAFRJ BERJAYA DIINDEKS DALAM MyCITE

Jurnal ilmiah rasmi MSAE iaitu *Advances in Agricultural and Food Research Journal (AAFRJ)* telah berjaya disenaraikan sebagai jurnal ilmiah baharu indeks dalam pangkalan data Malaysian Citation Index (MyCITE) di bawah seliaan Pusat Sitasi dan Infometrik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Semua artikel yang diterbitkan bermula tahun 2020 hingga terkini adalah secara rasminya berstatus MyCITE.




*Gambar 3: Poster Tahniah AAFRJ!*

## "MSAE DAY 2024" DI LADANG SOLAR AGRIVOLTAIC EDU-TRAIL PUCHONG

Pada 31 Januari 2024, MSAE telah menganjurkan program perkongsian ilmu dan lawatan teknikal ke Ladang Solar Agrivoltaic, Puchong. Penyertaan telah dibuka kepada ahli dan bukan ahli. Dalam masa yang sama, *booth* pendaftaran keahlian, promosi jualan baju & topi MSAE dan promosi NAFEC2024 telah diadakan sepanjang hari lawatan.




*Gambar 4: Poster MSAE Day 2024*

**PROMOSI JUALAN PENGHABISAN BAJU DAN TOPI MSAE**

MSAE telah mengadakan promosi jualan penghabisan baju dan topi MSAE dengan potongan harga kepada RM30 bagi semua item. Promosi ini memberi peluang semua ahli sedia ada dan baharu untuk mendapatkan "signature" item persatuan MSAE dengan harga terendah.




*Gambar 5: Poster potongan harga promosi baju & topi MSAE*

**"NATIONAL CONFERENCE ON AGRICULTURAL AND FOOD MECHANIZATION (NCAFM) 2024"**

Pada 27 hingga 20 Februari 2024, pihak MARDI telah menganjurkan konferensi NCAFM 2024 yang bertemakan "Empowering Food Security Through Agrofood Modernization". Program berlangsung secara fizikal yang bertempat di Ames Hotel Melaka. Peserta boleh memilih sama ada untuk menyertai sebagai *oral* atau *poster presentation.* MSAE sebagai penganjur bersama NCAFM 2024.




*Gambar 6: Poster NCAFM 2024*

**BENGKEL PENJURIAN ANUGERAH TESIS TERBAIK MSAE 2023**

Pada 14 Februari 2024, Bengkel Penjurian Anugerah Tesis Terbaik MSAE telah diadakan secara fizikal di Fakulti Kejuruteraan, UPM. Enam orang juri dari pelbagai universiti telah dijemput bagi mengadili anugerah yang akan diberikan semasa NAFEC 2024.



*Gambar 7: Sesi bergambar bersama juri Anugerah Tesis Terbaik MSAE 2023*

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSAE KALI KE-41**

Pada 27 Februari 2024, MSAE telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-41 secara hybrid di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia. Undian untuk seorang *Ordinary Executive Member MSAE* telah dilakukan semasa mesyuarat tersebut. Pelantikan baru *Ordinary Executive Member MSAE* telah dilakukan melalui undian ahli MSAE.





*Gambar 8: Sesi bergambar bersama ahli Mesyuarat*